

# JAWAPAN (2017)

## Kertas Model UPSR

### Penulisan

### Bahagian A

- 1 Ong, Dira dan Chandra sedang mempelajari teknik anyaman ketupat daripada pelatih kraf tangan.
- 2 Azmi dan Kamal sedang melihat demonstrasi menenun kain songket.
- 3 Encik Azman dan Encik Mazian sedang berbincang tentang seni bina rumah tradisional Melayu di ruang pameran rumah yang disediakan.
- 4 Ah Ming, Jeva, Hilmi, Siti dan Yahya sedang menonton persembahan Tarian Zapin.
- 5 Kai Xiang, Kar Liong, Aiman dan Lily sedang menonton tayangan cerita rakyat di skrin besar yang telah disediakan.

### Penulisan

### Bahagian B

Gambar menunjukkan beberapa aktiviti yang diadakan sempena Kempen Keceriaan Kawasan Sekolah. Antaranya ialah murid-murid mengecat mural bertemakan patriotisme di blok-blok kelas untuk memanfaatkan ruangan kosong di dinding. Selain itu, aktiviti mencantikkan taman sekolah turut diadakan. Murid-murid mencantas daun-daun pokok yang telah membesar agar cantik dipandang. Akhir sekali, murid-murid membersihkan kawasan sekolah seperti mengumpul sampah sarap. Timbunan sampah sarap tersebut boleh menyebabkan pencemaran bau. Kesimpulannya, keceriaan sekolah adalah tanggungjawab bersama. "Sekolah Bersih, Warga Cemerlang".

### Penulisan

### Bahagian C

#### Soalan I

#### Laporan Lawatan ke Karnival Buku Daerah Lawas

Kelab Perpustakaan SJKC Soon Hwa Sundar telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Karnival Buku Daerah Lawas. Lawatan itu disertai oleh 35 orang ahli kelab termasuk guru pengiring. Lawatan yang telah diadakan pada 10 Oktober 2017 ini disertai bayaran individu sebanyak RM20.00 sebagai kos pengangkutan dan makanan.

Peserta lawatan telah berkumpul di perkarangan sekolah pada pukul 7.00 pagi. Bas bertolak tepat pada pukul 8.00 pagi. Rombongan tiba di Lawas kira-kira pada pukul 9.00 pagi.

Setibanya di tapak karnival tersebut, kami telah diberikan taklimat ringkas oleh Encik Hamdan selaku pegawai yang bertugas. Selepas itu, kami terus dibawa mengunjungi pusat pameran. Ruangan pameran dibahagikan kepada beberapa bahagian tertentu.

Kami berpeluang mengunjungi ruangan pameran setiap syarikat penerbitan buku. Terdapat pelbagai jenis buku yang dipamerkan. Selain itu, kami turut menyaksikan pertandingan mewarna yang diadakan di ruang legar tempat pameran. Pada pukul 11.00 pagi, kami berpeluang menyaksikan pertandingan bercerita di sudut kawasan pameran.

Kira-kira pukul 12.30 tengah hari, kami bergerak ke kawasan lapang di luar bahagian pameran untuk menikmati makan tengah hari. Semua ahli kelab berasa sangat gembira sambil berbual-bual semasa makan.

Setelah itu, kami beratur menaiki bas untuk balik ke rumah masing-masing. Lawatan ke karnival buku ini telah banyak memberikan manfaat kepada kami. Kami berpeluang membeli beberapa buah buku dan mendapat pengalaman berharga sepanjang lawatan tersebut.

Disediakan oleh,

31 OKTOBER 2017

*Siew Fong*

(LIEW SIEW FONG)

Setiausaha Kelab Perpustakaan,  
SJKC Soon Hwa Sundar.

## Soalan 2

Semua guru mengimpikan murid-muridnya mendapat kecemerlangan. Terdapat empat cara untuk menjadi murid yang cemerlang.

Sebagai murid, kita perlulah memberikan tumpuan semasa guru mengajar di dalam kelas. Contohnya, tidak membuat bising dan berbual bersama rakan semasa sesi pembelajaran. Kesannya, kita akan fokus terhadap ilmu yang disampaikan oleh guru.

Selain itu, kita perlu membuat banyak latihan. Contohnya, latihan penyelesaian masalah Matematik dan menulis karangan. Kesannya, kita akan lebih menguasai kemahiran yang telah dipelajari.

Di samping itu, kita haruslah membuat ulang kaji di rumah. Ulang kaji ini boleh dilakukan pada waktu petang dan malam sebelum tidur. Kesannya, kita akan mengingati ilmu yang telah dipelajari untuk menjawab soalan peperiksaan.

Akhir sekali, kita hendaklah mempunyai jadual belajar sendiri. Jadual belajar ini digunakan semasa mengulang kaji di rumah. Kesannya, sistem pembelajaran kita akan lebih teratur.

Kesimpulannya, sudah menjadi tanggungjawab seorang murid untuk berusaha mencapai kecemerlangan. Oleh itu, berusahalah selagi terdaya.

*(Jawapan lain yang bersesuaian untuk Penulisan Bahagian A, B dan C diterima)*